



KENYATAAN MEDIA
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA
30 JUN 2018

IRM PERKENAL BARISAN IKON KEMANUSIAAN

Bangi, 30 Jun – Islamic Relief Malaysia (IRM) hari ini mengambil langkah proaktif dan kreatif dengan menobatkan lapan figura awam sebagai Ikon Kemanusian IRM bagi sesi 2018-2020.

Sesi pengenalan Ikon Kemanusiaan IRM itu dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IRM, Zairulshahfuddin Zainal Abidin dalam Majlis MySinggah Raya 2018 yang diadakan di perkarangan Pejabat IRM di sini hari ini.

Menurut Zairulshahfuddin, inisiatif ini dilakukan bagi memartabatkan individu atau kumpulan tersebut ke arah mewujudkan masyarakat yang prihatin di Malaysia khususnya dan global amnya. Usaha ini sejajar dengan visi dan misi Islamic Relief.

“IRM kali ini mengambil pendekatan mengetengahkan beberapa lagi barisan ikon yang mempunyai semangat dan minat yang tinggi dalam melaksanakan kerja-kerja kemanusiaan mengikut kepakaran dan kelebihan masing-masing.

“IRM sebelum ini telah melantik selebriti seperti Irma Hasmie, Redza Shah dan kumpulan RAIHAN sebagai Ikon Kemanusiaan bagi penggal sebelumnya. Maka untuk merancakkan lagi usaha kemanusiaan IRM, kami melihat bahawa keberadaan Ikon-Ikon ini bersama kami amat penting bagi memberi impak dan membina sahsiah diri melalui tingkah laku dan akhlak yang ditunjukkan barisan ikon, khususnya kepada para pengikut mereka dan ahli masyarakat di luar sana.”

Tambahnya lagi, ada antara ikon yang dilantik ini bukan baru dalam dunia kemanusiaan malahan telah bergiat aktif sejak sekian lama.

“Sebagai contoh, Dr. Aizan Sofia, Pensyarah Kanan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan ibu beliau sudahpun terlibat dengan IRM sebelum beliau melanjutkan pelajaran ke luar negara

lagi. Setelah memperolehi PhD, kita menjemput beliau untuk menyumbang dalam bentuk lain pula iaitu memanfaatkan bidang kepakaran beliau pula dalam ilmu kaunseling kepada OKU untuk kursus sukarelawan kami.

“Sejajar dengan perancangan strategi lima tahun Islamic Relief Malaysia yang menekankan bantuan terhadap golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), IRM berbesar hati dan mengiktiraf pelantikan Dr. Aizan yang juga pemegang status kad OKU,” ujar Zairulshahfuddin ketika ditemui.

Selain Dr. Aizan, ikon-ikon lain yang turut diperkenalkan adalah Irma Hasmie, Redza Shah, Diana Amir, Habib Bullah, Elfaeza UI Haq, Ashraf Muslim dan Kumpulan Saujana.

MySinggah Raya 2018

Dalam pada itu, Majlis MySinggah Raya 2018 dihadiri kira-kira 700 pengunjung daripada pelbagai pihak seperti penerima manfaat, penaja, rakan kemanusiaan IRM, para penyumbang, sukarelawan, rakan-rakan media dan selebriti serta orang awam.

Ia bertujuan untuk meraikan dan merapatkan ukhuwah di kalangan penerima manfaat, rakan kemanusiaan, ikon dan selebriti, pengamal media, sukarelawan, penyumbang serta orang ramai.

316 penerima manfaat yang diraikan hadir dari sekitar Lembah Klang iaitu PPR Lembah Subang, PPR Kota Damansara, SK Bukit Tampoi, keluarga "Sayang ke Syurga", Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia (PKOKM), Rohingya Intellectual Skill & Excellence (RISE), Bandar Puteri Puchong dan Selayang.

Selain pelancaran barisan Ikon Kemanusiaan IRM, turut diadakan aktiviti penyampaian Anugerah Kemanusiaan kepada media dan penerima manfaat, penyerahan duit raya kepada penerima manfaat, aktiviti kanak-kanak seperti ‘face painting’, aktiviti mewarna serta persembahan artis oleh Khareez Kasbulah, kumpulan Devotees, Encik Mimpi dan Priakustik.

Majlis turut dihadiri oleh wakil dari Hotel Bangi Putrajaya dan Tadika Umi Ceria yang menyerahkan cek sumbangan kepada IRM.

Mengenai Islamic Relief (IR)

Diasaskan di United Kingdom pada tahun 1984, Islamic Relief Worldwide (IR) merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan amal antarabangsa yang bebas dan bukan berpaksikan politik. IR diiktiraf sebagai sebuah badan bukan kerajaan dengan status perundingan khas sejak tahun 1993 oleh Majlis Ekonomi & Sosial PBB (UNECOSOC). IR menyediakan bantuan kemanusiaan dalam pelbagai bidang termasuk bantuan kecemasan,

pembangunan mampan sosial bersepadu (termasuk perubatan, pembangunan komuniti, pendidikan, kehidupan, tempat tinggal, psikososial) dan pengurangan risiko bencana. IR membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira kaum, agama, jantina atau kefahaman politik tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Sejak 1984, IR telah berkhidmat di lebih 45 buah negara dan mempunyai rangkaian tetap di lebih 35 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia yang bertanggungjawab untuk menyelaras, menjana dana dan melaksanakan program-program IR.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan penubuhan IRM pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana (bagi projek antarabangsa & tempatan) dan pelaksana projek tempatan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu www.islamic-relief.org.my atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

atau melalui :

CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT

MOBILE APPS | IR Malaysia

Zairulshahfuddin Zainal Abidin

Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

Dikeluarkan oleh,
Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my